



JADUAL PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PENILAIAN TAHUN 2025
ANJURAN
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA MALAYSIA

BIL.	NAMA PEPERIKSAAN	KOD	MASA	TARIKH PEPERIKSAAN DAN TARIKH TUTUP PERMOHONAN			
				SESI PERTAMA		SESI KEDUA	
				Tarikh Peperiksaan	Tarikh Tutup Permohonan	Tarikh Peperiksaan	Tarikh Tutup Permohonan
PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN GRED W29							
1.	Kertas I – Penilaian	PPPB/PN	0900-1130 2 jam 30 m	05.05.2025 (Isnin)	05.03.2025 (Rabu)	13.10.2025 (Isnin)	12.08.2025 (Selasa)
	Kertas II – Perundangan dan Pencukaian Harta Tanah Seksyen A & B Seksyen C	PPPB/PC	0900-1030 1040-1210 3 jam	06.05.2025 (Selasa)		14.10.2025 (Selasa)	
PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEMBANTU PENILAIAN GRED W19							
2.	Kertas I – Penilaian I	PP/PN I	0900-1130 2 jam 30 m	05.05.2025 (Isnin)	05.03.2025 (Rabu)	13.10.2025 (Isnin)	12.08.2025 (Selasa)
	Kertas II – Teknologi Bangunan I	PP/TB I	0900-1130 2 jam 30 m	06.05.2025 (Selasa)		14.10.2025 (Selasa)	
	Kertas III – Projek Penilaian I Lawat periksa Seksyen A Seksyen B	PP/PR I	0900-0930 1000-1100 1130-1300 3 jam	07.05.2025 (Rabu)		15.10.2025 (Rabu)	
PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN KHAS PEMBANTU PENILAIAN GRED W19 UNTUK MEMASUKI SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN GRED W29							
3.	Kertas I – Penilaian II	PPK/PN II	0900-1200 3 jam	05.05.2025 (Isnin)	05.03.2025 (Rabu)	Tiada peperiksaan dijalankan	
	Kertas II – Perundangan dan Pencukaian Harta Tanah I Seksyen A & B Seksyen C	PPK/PC I	0900-1050 1100-1210 3 jam	06.05.2025 (Selasa)			
	Kertas III – Teknologi Bangunan II	PPK/TB II	0900-1200 3 jam	07.05.2025 (Rabu)			
	Kertas V – Pengambilan Tanah dan Pampasan I	PPK/ PT I	1400-1630 2 jam 30 m				
	Kertas IV – Projek Penilaian II Lawat periksa Seksyen A Seksyen B	PPK/PR II	0900-0930 1000-1200 1400-1630 5 jam	08.05.2025 (Khamis)			

***Tertakluk kepada sebarang perubahan dari semasa ke semasa.**

1. CARA MEMOHON

- a) Tarikh tutup permohonan ialah **dua (2) bulan** sebelum tarikh peperiksaan. Permohonan hendaklah sampai kepada urus setia sebelum atau pada tarikh tutup permohonan yang dinyatakan. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup atau tidak lengkap akan ditolak.
- b) **Calon yang menunggu keputusan peperiksaan dinasihatkan untuk memohon menduduki peperiksaan sesi seterusnya walaupun keputusan belum diumumkan.**
- c) Permohonan adalah secara manual dengan mengisi borang yang terdapat dalam laman web www.jp-ph.gov.my . Setiap calon wajib mengemukakan alamat e-mel yang aktif serta nombor telefon terkini.
- d) Sebarang masalah atau pertanyaan lanjut sila hubungi :

**Unit Modal Insan dan Kompetensi
Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Ibu Pejabat
Aras 8, Perbendaharaan 2
No 7, Persiaran Perdana, Presint 2
62592 PUTRAJAYA.**

**Telefon : 03-88869000/ samb 9359/9357
Atau Faks : 03-88869001**

- e) **Calon-calon yang tidak memohon tidak dibenarkan untuk menduduki peperiksaan.**

2. SUKATAN

Sukatan peperiksaan boleh diperoleh daripada laman web www.jp-ph.gov.my

3. ANGKA GILIRAN

Calon boleh menyemak angka giliran, jadual peperiksaan dan pusat peperiksaan melalui laman web www.jp-ph.gov.my **dua (2) minggu sebelum tarikh peperiksaan**. Calon hendaklah **mencetak dan membawa slip peperiksaan calon tersebut** bersama-sama dengan **kad pengenalan** ketika menghadiri peperiksaan.

4. BAGI CALON DARIPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DAN BADAN BERKANUN

- a) Kadar bayaran peperiksaan yang dikenakan ialah **RM25.00** bagi setiap calon. Pembayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan **Kiriman Wang**.
- b) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan bersama Kiriman Wang atas nama **KETUA PENGARAH PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA** sebelum tarikh tutup permohonan. Maklumat di belakang Kiriman Wang perlu ditulis atas nama pejabat PBT/Badan Berkanun masing – masing.
- c) Permohonan yang dikemukakan tidak lengkap dan tanpa pembayaran tidak akan diproses.
- d) Bayaran tidak akan dikembalikan kepada calon yang gagal menghadiri/menduduki peperiksaan.

5. PERALATAN YANG PERLU DIBAWA

Calon dikehendaki membawa peralatan/bahan yang bersesuaian dengan kertas peperiksaan yang diambil. **(Kalkulator, Jangka Sudut dan Bahan Rujukan yang dibenarkan).**